

Sinar Harian  
28/2/17  
mls 50

# Sungai Lembing tenggelam

Dilanda banjir kilat untuk kali kedua tahun ini selepas hujan lebat awal pagi semalam

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

KUANTAN - Penduduk pekan Sungai Lembing di sini dan kampung sekitarnya sekali lagi diduga dengan dugaan banjir kilat selepas air Sungai Kenau melimpah berikutan hujan lebat awal pagi semalam.

Penduduk menyedari air mula naik kira-kira jam 3 pagi dan paras air meningkat secara mendadak, bagaimanapun banjir kilat yang membawa bersama kelodak lumpur surut sepenuhnya kira-kira jam 8 pagi hari yang sama.

Seorang peniaga kedai runcit, Abd Molok Mohamed Zainal, 45, berkata, dia dan isteri, Rokiah Mamat, 44, baru sahaja menambah barang dalam kedai Sabtu lalu dan tidak menjangkakan banjir berlaku lagi selepas mengalaminya Januari lalu.

Menurutnya, berdasarkan pengalaman menghadapi banjir

## Dua pusat pemindahan dibuka

DUA pusat pemindahan banjir sementara dibuka bagi menempatkan 30 mangsa daripada 12 keluarga selepas bencana banjir kilat melanda pekan Sungai Lembing di sini, semalam.

Dalam kejadian banjir kilat yang berlaku kira-kira jam 3 pagi itu, tiga kampung terlibat iaitu pekan Sungai Lembing, Kampung Jelihang dan Kampung Melayu.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Pahang, Zainal Yusof berkata, pusat pemindahan berkenaan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Lembing dan SJK(c) Sungai Lembing.

Menurutnya, sehingga jam 12 tengah hari semalam, mangsa masih berada di pusat pemindahan bagaimanapun banjir

sudah surut sepenuhnya.

“Ada mangsa yang sudah balik untuk membersihkan rumah masing-masing dan kita jangkakan penutupan rasmi dua pusat ini pada jam 6 petang nanti (semalam).”

“Banjir kali ini disifatkan banjir kilat ekoran hujan sangat lebat direkodkan awal pagi semalam di sekitar kawasan hulu dan Pekan Sungai Lembing.

“Bagaimanapun selepas hujan reda, paras air mula menurun dan banjir surut sepenuhnya dan tiada penutupan jalan dilakukan,” katanya.

Beliau berkata, pasukan penyelamat terdiri pihak polis dan APM mengerakkan anggota dan bantuan logistik termasuk bot untuk membantu mangsa ketika banjir melanda.



Keadaan air dalam kedai Abd Molok ketika banjir melanda.

adaan normal, tapi lepas hujan beberapa jam, ia cepat melimpah dan sekali lagi kami berdepan banjir.

“Setiap kali banjir, kami terpaksa tutup kedai beberapa hari untuk kerja-kerja pembersihan. Kali ini kerja-kerja pembersihan mungkin lebih lama kerana terdapat banyak kelodak lumpur,” katanya.

Nasib sama dilalui peniaga kedai makan, Zulkefli Talib, 51, apabila turut mengalami kerugian dalam kejadian banjir kilat kali ini.

Bagaimanapun katanya, jum-

Mohd Shah berkata, beliau difahamkan Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) akan menghulurkan bantuan kepada mangsa yang berdaftar.

Menurutnya, beliau meminta mangsa banjir yang terlibat supaya membuat laporan polis dan menyerahkan ke pejabatnya untuk tindakan.

“Kita cuba bawa permasalahan mangsa ke pihak atasan termasuk kerajaan negeri untuk tindakan termasuk

jiir sebelum ini, dia lebih bersedia dan dalam kejadian kali ini, kebanyakan barangan jualan berjaya diselamatkan sekali gus mengelak kerugian lebih besar.



Andrew Wong ketika turun meninjau pekan Sungai Lembing selepas banjir surut.

Dalam kejadian banjir terdahulu, dia kerugian lebih RM50,000 apabila banyak barangan rosak akibat ditenggelami banjir.

"Saya sedar air mula naik jam 3 pagi dan masa tu air dah masuk kedai. Kami agak panik juga, tapi sempat menyelamatkan barang-barang dengan bantuan pekerja. Mereka yang tinggal di seberang sungai sanggup redah banjir untuk ke kedai menyelamatkan barang.

"Saya juga sempat kejutkan peniaga lain termasuk beberapa pemandu lori balak yang tengah tidur dalam kenderaan masing-masing," katanya.

Katanya, air naik de-

ngan cepat dan parasnya hingga 1.5 meter dalam kedai, bagaimanapun dia lega apabila sebahagian besar dapat diselamatkan kecuali beberapa barangan elektrik yang belum diketahui statusnya.

"Cuma kami kecewa bila siren amaran tak berfungsi. Bukan saja kali ini, malah masa banjir sebelum ini," katanya.

Sementara itu bagi pekerja kedai pertukangan kayu, Jimmy Eng, 57, sebelum kejadian dia tidur di tingkat atas premis kedai sebelum dikejutkan dengan bunyi bising hon kenderaan di depan kedai.

Katanya, dia terjaga dan segera turun ke bawah sebelum mendapati air sudah masuk ke dalam kedai.

"Saya tak sangka kerana air sungai masa siang berada dalam ke-

ngan itu tidak terlalu besar berbanding yang dialaminya sebelum ini.

"Cuma bila banjir, kami tak dapat berniaga jadi menjejaskan mata pencarian seharian selain terpaksa tanggung kerugian.

"Nak bersihkan kedai dan barang-barang juga ambil masa, lebih-lebih lagi kali ni lumpur yang tertinggal agak tebal," katanya.

Katanya, bagi mereka, kejadian banjir bukan asing lagi malah tahun ini dua kali berdepan bencana itu.

"Kita ada pengalaman dan sentiasa berjaga-jaga, tapi kali ini di luar jangkaan kerana air sungai dalam keadaan normal boleh melimpah mendadak ekoran hujan lebat beberapa jam," katanya.

Dalam pada itu, Adun Sungai Lembing, Datuk Mohd Shohaimi

gen akan diadakan termasuk mempertimbangkan bantuan sewajarnya bagi membantu meringankan beban ditanggung mereka yang terlibat dalam bencana banjir di Sungai Lembing kali ini," katanya.

Kebetulan semasa tinjauan dilakukan, Pegawai Khas Menteri Pengangkutan, Datuk Andrew Wong turut ke lokasi meninjau keadaan dan bertemu mangsa banjir di pekan Sungai Lembing.

Katanya, masalah banjir yang kerap berlaku di Sungai Lembing perlu diberi perhatian pihak berkaitan termasuk kerajaan negeri.

"Kalau masalah banjir ini tidak dapat diatasi, penduduk Sungai Lembing akan terus berdepan risiko banjir dan ia satu masalah serius.

"Ada penduduk mendakwa berlaku aktiviti pembalakan di bahagian hulu namun kita tidak pasti kebenaran dakwaan itu. Jika betul, kerajaan-negeri kena ambil perhatian supaya penerokaan hutan tidak terkawal yang boleh menjadi faktor berlakunya banjir dapat dihentikan," katanya.

Beliau berkata, satu mesyuarat akan diadakan bagi membincangkan perkara itu termasuk mengenal pasti bantuan yang sewajarnya untuk mangsa terlibat.



Jimmy bersama seorang lagi pekerja membersihkan kedai daripada sisa lumpur.



Peniaga yang kedai mereka terlibat banjir sibuk membersihkan premis masing-masing.